



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 24/2010 (13 hingga 19 Jun 2010)

Bagi tempoh 13 hingga 19 Jun 2010, sejumlah 942 kes demam denggi dengan 5 kematian telah dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 51 kes (6%) berbanding 891 kes pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Jumlah kes terkumpul yang dilaporkan bagi tahun ini adalah 22,251 kes dengan 74 kematian. Walaupun terdapat penurunan sebanyak 6% berbanding 23,794 kes bagi tempoh yang sama tahun 2009, sebenarnya kes mingguan yang dilaporkan sejak 5 minggu yang lepas telah meningkat dan melebihi paras median mingguan untuk 5 tahun dan jumlah kes mingguan tahun sebelumnya. Lebih membimbangkan, bilangan kes kematian terus meningkat sebanyak 23% dari 60 kes dalam tahun 2009 kepada 74 kes dalam tempoh yang sama tahun ini. Lapan (8) buah negeri telah menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Selangor (39 kes), Johor (22 kes), WP Kuala Lumpur / Putrajaya (10 kes), Terengganu (9 kes), Kelantan (8 kes), P.Pinang (8 kes), Sarawak (3 kes) dan WP Labuan (1 kes).

Lima (5) kematian yang dilaporkan pada minggu lepas iaitu 2 dari N.Sembilan dan masing-masing 1 kematian dari Perak, Johor dan Kelantan. Empat (4) dari 5 kematian ini berlaku di kawasan wabak denggi dan di kawasan-kawasan yang tidak bersih serta mempunyai kadar

pembiakan Aedes yang tinggi iaitu di antara 1.6 hingga 13%. Ini menyebabkan risiko jangkitan denggi sangat tinggi untuk berlaku.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 24 kawasan *hot spots* yang masih aktif, berbanding 22 lokaliti *hot spots* pada minggu sebelumnya, melibatkan negeri-negeri seperti Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor dan Kelantan (Lampiran C). Daripada jumlah tersebut, 9 daripada kawasan ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi dan hanya 4 dari 24 lokaliti atau 18% *hot spots* melaksanakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan tersebut (Lampiran D).

Pihak Kementerian Kesihatan terus berusaha menyedarkan masyarakat bahawa kunci utama bagi mencegah demam denggi adalah dengan mengurangkan tempat pembiakan Aedes sama ada di dalam atau di luar rumah kerana aktiviti semburan kabus atau fogging hanya membunuh nyamuk dewasa dan tidak membunuh jentik-jentik. Namun begitu, tindakan dari orang ramai terhadap perkara ini masih kurang memuaskan. Hanya 838 (13%) aktiviti gotong-royong dicatatkan daripada sejumlah 6,419 aktiviti yang disasarkan di seluruh negara. Pihak Kementerian Kesihatan amat berharap usaha dan sumbangan dari pihak jawatankuasa penduduk dan Pertubuhan Bukan Kerajaan untuk memainkan peranan yang lebih aktif bagi menggerakkan masyarakat dan menjalankan aktiviti gotong royong.

Bagi pihak Kementerian Kesihatan, aktiviti kesedaran awam berkaitan dengan denggi terus diperkasakan dengan melibatkan individu yang berpengaruh bagi membantu menggerakkan masyarakat untuk mencegah penyakit demam denggi. Justeru itu, pihak Kementerian Kesihatan telah melantik selebriti Aznil Hj.Nawawi sebagai ikon anti denggi melalui penglibatan secara langsung dalam kempen “Jom

Ganyang Aedes". Kempen ini bertujuan membasmi demam denggi secara serius, konsisten dan bersungguh-sungguh bagi melahirkan komuniti bebas Aedes dengan misi;

- i. Membina persepsi komuniti bahawa tugas membentasi denggi merupakan tanggungjawab mereka.
- ii. Meningkatkan kefahaman komuniti tentang Aedes dan cara menghapuskannya.
- iii. Menggerakkan komuniti supaya bertindak menghapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes di dalam rumah dan persekitaran tempat tinggal.

Dengan peningkatan kes kematian akibat denggi sejak kebelakangan ini, masyarakat perlu membawa ahli keluarga atau sesiapa yang mengalami demam ke klinik atau hospital dengan segera. Bagi pengamal perubatan yang merawat pesakit samada di klinik kerajaan atau klinik swasta, di minta melaporkan dengan segera sekiranya pesakit menghadapi demam denggi atau pun di syakki demam denggi dan merujuk pesakit ke hospital dengan segera jika pesakit mempunyai tanda-tanda amaran awal seperti sakit perut, kerap muntah, pening atau gelisah, pucat, sesak nafas dan menunjukkan gejala pendarahan.

Bagi tempoh 13 hingga 19 Jun 2010, sejumlah 13 kes penyakit Chikungunya dilaporkan berbanding 5 kes pada minggu sebelumnya. 13 kes yang dilaporkan adalah 11 dari Sabah dan masing-masing 1 kes di Sarawak dan Johor. Terdapat 2 lokaliti wabak dilaporkan yang juga berlaku di Sabah. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 579 kes berbanding 2,775 kes, penurunan sebanyak 2,196 kes (79%) untuk tempoh yang sama pada tahun 2009.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

21 Jun 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 24/2010
(13 hingga 19 Jun 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 24/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 24/2009
		Minggu 24 (13 – 19 Jun 2010)	Minggu 23 (6 – 12 Jun 2010)		
1	Perlis	3	5	71	127
2	Kedah	14	17	364 (2)	488
3	P. Pinang	31	23	540 (2)	1,475
4	Perak	66 (1)	78 (1)	928 (4)	1,953 (1)
5	Selangor	325	286 (3)	9,986 (32)	12,255 (42)
6	WPKL & Putrajaya	76	66	2,456 (4)	2,167 (7)
7	N. Sembilan	65 (2)	70	1,102 (6)	504 (5)
8	Melaka	13	13	273 (4)	346
9	Johor	113 (1)	91	1,595 (7)	1,407 (2)
10	Pahang	44	57	628 (1)	472 (1)
11	Terengganu	16	7	429	573
12	Kelantan	40 (1)	32	645 (3)	657
13	Sarawak	57	54 (1)	2,192 (8)	847
14	Sabah	77	91	1,031 (1)	503 (2)
15	WP Labuan	2	1	11	20
	Jumlah	942 (5)	891 (5)	22,251 (74)	23,794 (60)

Nota: () Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 24/2010
(13 hingga 19 Jun 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 24/2010	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 24/2009
		Minggu 24 (13 – 19 Jun 2010)	Minggu 23 (6 – 12 Jun 2010)		
1	Perlis	0	0	0	28
2	Kedah	0	0	0	759
3	P. Pinang	0	0	3	201
4	Perak	0	0	3	378
5	Selangor	0	1	23	381
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	85
7	N. Sembilan	0	0	1	31
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	1	0	4	134
10	Pahang	0	0	1	67
11	Terengganu	0	0	1	50
12	Kelantan	0	0	2	361
13	Sarawak	1	3	512	296
14	Sabah	11	1	22	4
15	WP Labuan	0	0	7	0
	MALAYSIA	13	5	579	2,775

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 24
BAGI TAHUN 2010**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPKJ	Taman Sepakat Indah	80	125
2	SELANGOR	MPKJ	Taman Kajang Mewah	32	69
3	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat	21	60
4	SELANGOR	MPKJ	Taman Putra	14	60
5	SELANGOR	MPAJ	AU5 Taman Keramat (Zon A)	26	54
6	SELANGOR	MPS	Rawang Integrated	11	47
7	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Tasik Kesuma (3)	9	46
8	SELANGOR	MPS	Taman Rawang Perdana Apartment Lily	13	43
9	SELANGOR	MPAJ	Kg Melayu Ampang (Zon A)	12	40
10	SELANGOR	MPAJ	Pandan Jaya (Zon B)	20	38
11	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Tanjung Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	6	35
12	SELANGOR	MPAJ	Kg Melayu Ampang (Zon C)	9	33
13	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 4 Taman Bukit Mewah	7	33
14	SELANGOR	Klang	Lot 6120 Batu 5 3/4 Jalan Hj Abdul Manan Off Jalan Meru	5	33
15	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Jenaris	8	32
16	SELANGOR	Gombak	Apartment Aman 1 Desa Aman Puri	5	30
17	WPKL	Kepong	Quarters Kerajaan Jalan Duta	22	70
18	WPKL	Cheras	Bandar Tun Razak (Apartment Lumayan)	11	54
19	WPKL	Setapak	Setapak Ria Kondo Jalan Genting Klang	5	30
20	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa Kelompok Kenanga Sunding Malam	6	30
21	JOHOR	MBJB	Taman Gembira	13	55
22	JOHOR	MPPG	Rumah Pangsa Jalan Tembusu, Pasir Gudang	12	35
23	JOHOR	MPPG	Perjiranan 9 Pasir Gudang	6	35
24	KELANTAN	Kota Bahru	Kg. Batu 6, Sabak	13	41

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 24
BAGI TAHUN 2010
(13 hingga 19 Jun 2010)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	MPAJ	Kg Melayu Ampang (Zon A)	16.7	17
2	SELANGOR	MPAJ	AU5 Taman Keramat (Zon A)	5.3	8
3	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Jenaris	5.9	9
4	WP KL	Setapak	Keramat Wangsa Kelompok Kenanga Sunding Malam	5.0	5
5	JOHOR	MBJB	Taman Gembira	4.8	5
6	KELANTAN	Kota Bahru	Kg. Batu 6, Sabak	4.3	4
7	JOHOR	MPPG	Rumah Pangsa Jalan Tembusu, Pasir Gudang	4.2	4
8	SELANGOR	MPS	Rawang Integrated	2.3	2
9	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Tasik Kesuma (3)	1.9	4